

Kajian Malaysia, Vol. 28, No. 2, 2010

**PERANAN WANITA MELAYU DALAM PROSES PENJAGAAN
IBU BAPA TUA: DILEMA DAN CABARAN DALAM ERA
GLOBALISASI¹**

***ROLES OF MALAY WOMEN IN THE PROCESS OF CARING FOR
ELDERLY PARENTS: DILEMMA AND CHALLENGES IN THE
ERA OF GLOBALISATION¹***

Khadijah Alavi^{1*} dan Rahim M. Sail²

¹Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor

²Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor

*Corresponding author: khadijahalavi@yahoo.com

Peningkatan bilangan warga tua (60 tahun ke atas) di beberapa negara Asia Tenggara termasuk Malaysia dan Indonesia semakin membimbangkan. Kepadatan penduduk warga tua di Malaysia dijangka akan meningkat kepada 2.2 juta orang pada tahun 2020. Statistik juga menunjukkan bahawa kadar kelahiran terus menurun beberapa dekad kebelakangan ini. Statistik ini menghuraikan satu fenomena global berkaitan dengan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua mereka. Fenomena anak dewasa yang menggalas beban penjagaan (kerjaya, menjaga keluarga sendiri, dan menjaga ibu bapa tua) kurang dikaji dan diperbincangkan. Artikel ini meninjau pengalaman penjagaan yang

¹ Artikel ini adalah sebahagian daripada kajian yang lebih besar tentang penjagaan orang tua oleh anak dewasa mereka. Projek penyelidikan ini dibiayai oleh Sciencefund, MOSTI yang diketuai oleh Prof. Dr. Rahim Md. Sail, UPM dan gabungan Projek Penyelidikan PhD. Khadijah Alavi.

Artikel ini juga telah dimurnikan setelah dibentangkan dalam *Persidangan Malindo Nusantara 1: Dinamika Pembangunan Sosial-Ekonomi-Politik Nusantara Kotemporer dan Tantangan Abad 21, Kerjasama antara UKM dan UNAND*, 16–17 Disember 2009, Hotel Hill, Bukit Tinggi, Indonesia.

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

dilalui oleh anak dewasa (wanita) yang menjaga warga tua dengan menggunakan teori peranan. Pengumpulan data telah dilaksanakan terhadap 8 orang responden menggunakan kaedah temu bual mendalam dan 399 orang responden menggunakan kaedah tinjauan. Hasil kajian daripada kedua-dua pendekatan menunjukkan bahawa wanita lebih banyak terlibat dalam penjagaan warga tua. Ibu bapa tua juga mengharapkan bantuan dan sokongan daripada anak perempuan. Fenomena ini boleh memberi implikasi kepada kerjaya wanita, keluarga dan pembangunan negara. Artikel ini merumuskan bahawa dalam era globalisasi, majikan perlu mengambil kira masa anjal di tempat kerja, peningkatan sistem sokongan formal dan informal bagi membantu wanita dalam mengharungi dilema dan cabaran penjagaan warga tua, anak, keluarga dan kerjaya wanita, di samping untuk mencapai masyarakat penyayang dan budaya ikram yang boleh dipupuk seiring dengan pembangunan negara maju.

Kata kunci: penjaga, ibu bapa tua, teori peranan, beban penjagaan dan pengalaman penjagaan

A drastic increase in the number of elderly people (above 60 years) in several countries in Southeast Asia including Malaysia and Indonesia has raised concerns. The numbers of elderly population in Malaysia are projected to grow to 2.2 million by the year 2020. Statistics also shows that the birth rate in Malaysia has been decreasing in the last few decades. Both these statistics describe a global phenomenon relating to the caring for elderly parents by adult children. Challenges faced by adult children who are taking care of their elderly parents (i.e., career, care of their own family, and care of elderly parents) have not been analysed or discussed widely. This article discusses the experience of adult children (daughters) who are taking care of their elderly parents by using role theory. The data collection was done using in-depth interview method on 8 respondents and the survey method on 399 respondents both of which were conducted by enumerators. The survey and in-depth interview results show that daughters are more involved in caring for their elderly parents. The elderly parents also expect help and support from their daughters more than from their sons. This phenomenon will have negative implications on women's career, family and nation development. This article concludes that employers should take into consideration more flexible hours, increase formal and

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

informal support for the working women who are caring for their elderly parents and family in achieving our goal as a caring society in a developed nation.

Keywords: carers, elderly parents, role theory, role over load and caring experience

PENGENALAN

Dilema penjagaan warga tua dalam masyarakat moden merupakan satu fenomena global yang terhasil melalui kejayaan proses modenisasi dan pembangunan. Dengan mengambil kira usia 60 tahun dan ke atas sebagai warga tua di Malaysia, pada tahun 2000 terdapat seramai 1.4 juta (6.5%) bilangan warga tua dan jumlah ini akan bertambah kepada 1.7 juta (7.2%) pada tahun 2005; dan seterusnya pada tahun 2020, dianggarkan seramai 2.2 juta (9.5%) daripada penduduk negara ini akan dikategorikan sebagai warga tua (Jabatan Statistik Malaysia, 2001). Malaysia akan dikategorikan sebagai salah sebuah negara yang mempunyai ramai penduduk yang terdiri daripada warga tua pada tahun 2035. Pada masa ini, jangka hayat bagi lelaki di Malaysia ialah 61.6 tahun dan bagi wanita pula ialah 64.8 tahun. Diramalkan bahawa jangka hayat bagi lelaki dan wanita di Malaysia pada tahun 2020 masing-masing bakal menjadi 75.5 dan 80.4 tahun (Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 2005).

Fenomena penuaan penduduk di kebanyakan negara sedang membangun telah meningkat dengan drastik sejak kebelakangan ini. Jadual 1 menunjukkan bahawa Malaysia dan Indonesia menunjukkan jangka hayat hidup warga tua iaitu 73.0 tahun dan 66.5 tahun dengan jumlah kadar kelahiran yang hampir serupa iaitu 2.93 dan 2.37. Manakala Singapura dan Thailand masing-masing menunjukkan jangka hayat warga tua adalah 78.6 tahun dan 69.7 tahun berbanding dengan jumlah kadar kelahiran yang rendah iaitu 1.35 dan 1.93. Nisbah tanggungan di Malaysia dan Indonesia hampir sama iaitu di antara 7 hingga 8 warga tua. Kiraan nisbah tanggungan ini belum mencapai klasifikasi sebagai negara tua. Singapura dan Thailand pula boleh diklasifikasikan sebagai negara tua kerana nisbah tanggungan adalah seramai 10 hingga 12 warga tua berumur 65 tahun ke atas per 100 penduduk umur produktif (15

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

hingga 64 tahun). Fenomena yang hampir sama ini akan dilalui oleh Filipina, Brunei, Myanmar dan Kemboja. Fenomena ini juga boleh meningkatkan permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan warga tua dan tahap bebanan ahli keluarga terutama anak dewasa, komuniti dan kerajaan. Fenomena ini bukan lagi masalah negara maju tetapi telah merebak ke semua negara sedang membangun.

Jadual 1: Penunjuk demografi di negara Asia Tenggara

Negara	Jangka hayat hidup 2000–2005	Jangka hayat hidup sihat		Kadar kelahiran 2000–2005	Nisbah tanggungan warga tua 2005
		Lelaki	Perempuan		
Malaysia	73.0	61.6	64.8	2.93	7
Indonesia	66.5	57.4	58.9	2.37	8
Singapura	78.6	68.8	71.3	1.35	12
Thailand	69.7	57.7	62.4	1.93	10
Filipina	70.2	57.1	61.5	3.22	6
Brunei	76.3	65.1	65.5	2.50	5
Myanmar	60.1	49.9	53.5	2.46	8
Kemboja	56.0	50.6	49.5	4.14	6

Sumber: Chan (2005); Lamb (1999); United Nations (2004, 2005)

Di Malaysia, penjagaan warga tua oleh anak dewasa telah banyak berubah. Struktur keluarga luas beransur-ansur runtuh dan bertukar menjadi keluarga asas. Secara tidak langsung impaknya terhadap penjagaan informal warga tua juga mulai mengecil (Rahimah, 2000). Penjaga yang berpotensi (anak dewasa) mempunyai batasan kemampuan untuk menjaga ibu bapa yang tua dan uzur. Ada kalanya anak dewasa ini memerlukan sokongan dan bantuan institusi formal dan tidak formal bagi mengendalikan penjagaan ibu bapa yang uzur supaya terus tinggal bersama keluarga mereka.

Anak dewasa sebagai penjaga merujuk kepada anak lelaki, anak perempuan, menantu perempuan atau lelaki, anak tiri dan anak angkat. Pengkaji membuat kajian daripada pelbagai perspektif tentang penjagaan warga tua. Piercy (1998) menyatakan apabila anak dewasa memberikan

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

bantuan penjagaan kepada ibu bapa mereka, anak perempuan dan menantu perempuan biasanya diandaikan memainkan peranan dalam penjagaan utama (*primary caregivers*) dan anak lelaki serta menantu lelaki pula menyediakan bantuan tambahan kepada isteri, adik perempuan atau kakak mereka. Di samping itu, gender adalah asas penting dalam penjagaan warga tua. Di dalam kajian Eriksen dan Gerstel (2002) mencadangkan bahawa anak perempuan lebih banyak memberi penjagaan berbanding dengan anak lelaki serta anak perempuan pula memberikan penjagaan yang berbeza. Jenis-jenis penjagaan yang diberikan oleh anak perempuan antaranya ialah penjagaan praktikal (misalnya mencuci pakaian, penyediaan makanan, penjagaan anak dan mengemas rumah), bantuan personal (misalnya bercakap tentang masalah dan memberi nasihat) dan bantuan material (misalnya kewangan dan hadiah) (Eriksen dan Gerstel, 2002). Kajian ini juga menunjukkan bahawa adik-beradik perempuan dalam keluarga lebih banyak memberi sokongan kepada tugas penjagaan berbanding ahli keluarga yang lain.

Ahli keluarga terutama golongan wanita merupakan penjaga utama dalam penjagaan warga tua yang uzur; walaupun begitu, saudara-mara dan jiran tetangga pula lazimnya memberi penjagaan sekunder (*secondary caregivers*). Pemilihan penjaga primer (*primary caregivers*) berkaitan dengan hubungan kekeluargaan, gender, dan tempat tinggal ahli keluarga yang berkaitan (Cantor, 1983; Merrill, 1997). Apabila perlu, suami atau isteri akan memberi majoriti penjagaan. Jika tidak ada pasangan dalam kalangan warga tua, anak perempuan akan memainkan peranan utama dalam penjagaan. Dalam keadaan ketiadaan anak perempuan, anak lelaki akan diandaikan mengambil tanggungjawab penjagaan. Walaupun begitu kebanyakannya anak lelaki menyerahkan tugas tersebut kepada isteri mereka. Jika ketiadaan anak, ahli keluarga yang terdekat akan mengambil peranan dan tanggungjawab dalam penjagaan ibu bapa tua.

Dapatan kajian lepas mendapati bahawa mereka yang mengambil peranan sebagai penjaga primer juga mempunyai kerjaya dan tanggungjawab terhadap keluarga (Stern, 1996; Brody, 1990). Sebahagian besar (74%) penjaga primer adalah wanita. Antara semua jenis penjaga (primer dan sekunder), 36% merupakan pasangan suami isteri, 29% merupakan anak perempuan, 8% merupakan anak lelaki,

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

20% adalah wanita dan 7% adalah saudara-mara lelaki lain. Apabila kajian memfokus kepada penjaga primer, 18% merupakan pasangan lelaki dengan wanita dan 74% merupakan wanita sahaja. Anak lelaki dan saudara-mara lelaki amat kurang memberi penjagaan primer (Stone, Cafferata dan Sangl, 1987). Perbezaan gender ditunjukkan dalam jenis-jenis penjagaan dan tingkah laku strategi daya tindak penjaga (Baruch dan Spaid, 1989). Menurut Fitting et al. (1986) perbezaan utama daripada segi umur dan jantina penjaga mempunyai hubungan dengan beban penjagaan. Reaksi subjektif wanita terhadap penjagaan lebih kepada negatif berbanding dengan lelaki. Dapatkan kajian mendapati wanita melaporkan tahap beban dan tekanan psikologi yang lebih tinggi disebabkan oleh penjagaan (Zarith, 1993); rendah semangat (Gilhooly, 1984); skor depresi Minnesota Multiphasic Personality Inventory (MMPI) yang lebih tinggi (Fitting et al., 1986) dan lebih banyak perasaan simptom negatif (Siegler dan George, 1983).

TEORI PERANAN DAN PENJAGAAN WARGA TUA

Teori peranan yang merangkumi konsep batasan peranan, bebanan tuntutan peranan, dan konflik peranan menyajikan suatu kerangka yang amat komprehensif bagi menjelaskan pengalaman penjaga ibu bapa atau warga tua dari golongan pertengahan umur yang menanggung pelbagai jenis tanggungjawab yang lain (Mui, 1992). Mereka ini tidak mempunyai masa atau sumber yang cukup untuk membahagikan kesemua tanggungjawab mereka secara adil dan saksama. Komitmen yang melampau dan melibatkan bebanan tuntutan peranan dan konflik peranan ini adakalanya menimbulkan tekanan yang sukar untuk ditangani. Apabila tuntutan peranan sosial yang lain bertembung dengan tanggungjawab menjaga ibu bapa, mereka sering mengalami suatu keadaan yang berkait rapat dengan batasan peranan. Batasan peranan ini boleh didefinisikan sebagai kesukaran untuk memenuhi peranan sebagai seorang penjaga (Goode, 1960).

Salah satu sumber batasan peranan adalah bebanan tuntutan peranan yang merujuk kepada masa, tenaga, dan sumber peribadi yang terhad dalam usaha untuk memikul semua tanggungjawab yang terletak di atas bahu seorang individu (Wallace dan Noelker, 1984). Wanita, terutamanya dari peringkat pertengahan umur seringkali menghadapi

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

tuntutan pelbagai tanggungjawab untuk memelihara beberapa lapisan generasi. Tanggungjawab sebagai penjaga ini biasanya berbeza berdasarkan gender. Lebih 70% mereka yang menjaga warga tua berpenyakit kritikal dan 50% yang pernah menjaga warga tua untuk suatu jangkamasa yang tertentu merupakan golongan wanita (Pavalko dan Artis, 1997). Bebanan tuntutan peranan biasanya dialami oleh golongan pertengahan umur yang menjadi penjaga utama serentak dengan tanggungjawab dan peranan yang lain seperti ibu bapa, suami isteri, pekerja dan sahabat. Kajian lepas menunjukkan bahawa persaingan antara peranan sebagai seorang pekerja dan penjaga kepada warga tua telah menjaskan prestasi kerja dan meningkatkan rasa bebanan kepada penjaga tersebut (Gilbeau dan Anastas, 1989; Scharlach dan Boyd, 1989; Neal et al., 1993; Scharlach, 1994; Pavalko dan Artis, 1997). Sebaliknya, Penning (1998) mendapati bahawa persepsi tentang tekanan dan kesejahteraan fizikal serta emosi yang dialami oleh seorang anak yang menjaga warga tua lantaran kepelbagaian peranan yang dipikul olehnya adalah tidak konsisten dan lemah. Oleh itu, adalah penting untuk meninjau peranan faktor-faktor tekanan, strategi daya tindak, sumber daya tindak, dan sokongan sosial bagi menjelaskan persoalan ini (Pearlin dan Schooler, 1978; Schulz, Tampkins dan Rau, 1988; Zarith, 1994; Irvin dan Acton, 1997). Pengkaji mendapati teori peranan boleh menjelaskan beban penjagaan dalam menghuraikan dilema dan cabaran yang dipikul oleh wanita yang bekerja, mempunyai keluarga, dan menjaga ibu bapa tua.

Artikel ini bertujuan untuk memahami pengalaman wanita dalam mengharungi dilema dan cabaran menjaga ibu bapa tua dalam situasi moden. Secara tradisional, lumrah kehidupan dalam penjagaan warga tua terutama ibu bapa sendiri dan ibu bapa mertua diletakkan di bahu golongan wanita. Lumrah kehidupan ini bukan sahaja di Malaysia tetapi merupakan satu fenomena global yang berlaku di seluruh pelosok dunia. Artikel ini ingin memaparkan perbandingan dapatan kajian melalui pendekatan kualitatif dan kuantitatif mengenai pengalaman penjagaan dalam kalangan anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua mereka.

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

METODOLOGI KAJIAN KUALITATIF DAN KUANTITATIF

Rekabentuk Kajian

Gabungan kajian kes berpandukan pendekatan fenomenologi dan kaedah tinjauan telah dipilih. Pendekatan kualitatif dipilih untuk menjawab persoalan kajian berlandaskan latar belakang subjek kajian yang sedia berkongsi pengalaman mereka secara sukarela; dipilih secara pemilihan bertujuan mengikut kriteria yang ditetapkan dan ianya boleh menjelaskan (*emergent*) banyak maklumat yang terselindung terutamanya tentang beban penjagaan yang dialami oleh anak dewasa. Pemilihan kriteria sampel ialah anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua yang tinggal di dalam komuniti terutama di Kuala Lumpur dan Selangor. Justifikasi utama pemilihan kumpulan anak dewasa ini kerana mereka berpendapatan rendah, bekerja, mempunyai ramai tanggungan dan menjaga ibu bapa tua. Kajian kualitatif ini menggunakan kaedah sampel pemilihan bertujuan (*purposive sampling*)². Kajian ini berbentuk tinjauan dengan menggunakan reka bentuk keratan silang lintang (*cross sectional survey*). Kajian silang lintang ini dijalankan apabila pengkaji ingin membuat penyelidikan dalam kalangan responden yang berlainan umur pada masa dan fenomena yang sama.

Populasi dan Pensampelan Kajian

Bagi kajian kualitatif, pengkaji telah menerima nama dan alamat lengkap seramai 25 orang responden daripada pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Wilayah Persekutuan mengikut kriteria di mana penerima bantuan warga tua yang tinggal bersama anak. Hanya lapan orang responden yang serasi dengan kriteria pemilihan pensampelan telah dipilih sebagai responden dalam artikel ini. Julat umur responden adalah di antara 32 hingga 52 tahun, terdiri daripada golongan wanita yang telah memasuki peringkat umur pertengahan di

² Cara sampelan ini memerlukan kemampuan dan pengetahuan yang baik daripada pengkaji terhadap populasi kajian. Dalam menentukan siapa yang termasuk sebagai sampel kajian, harus benar-benar mengetahui dan pengkaji beranggapan bahawa subjek kajian yang dipilih dapat memberi maklumat yang berkaitan dengan permasalahan kajian.

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

antara 35 hingga 60 tahun (Schaie dan Willis, 1996) dan mengambil peranan penjagaan. Pengalaman lapan orang responden dalam menjaga ibu bapa adalah di antara 3 hingga 25 tahun.

Lokasi kajian ini merangkumi empat negeri iaitu Perak (utara), Selangor (tengah), Negeri Sembilan (selatan) dan Pahang (timur). Secara spesifiknya, lokasi kajian adalah di bandar dan luar bandar kerana ia merupakan salah satu kriteria pemilihan sampel untuk kajian ini. Responden kajian ini terdiri daripada etnik Melayu, Cina, dan India (Jadual 2).

Jadual 2: Kawasan kajian mengikut negeri

Negeri	Kawasan kajian
Perak	Ipoh Taiping
Selangor	Seri Kembangan Semenyih
Negeri Sembilan	Seremban Kuala Pilah
Pahang	Kuantan Raub

Prosedur Pengumpulan Data

Temu bual di dalam kajian kualitatif ini dijalankan secara terbuka dan tidak berstruktur. Data dikumpulkan melalui temu bual secara mendalam (*in-depth/qualitative interview*). Temu bual dimulakan dengan soalan seperti berikut:

Apakah pengalaman yang dilalui oleh anak dewasa dalam penjagaan ibu bapa tua dalam situasi moden dan mencabar ini?

Dalam kajian kuantitatif pula, secara keseluruhan seramai 640 orang responden telah terlibat dalam kajian ini. Pembahagian jumlah

responden setiap negeri adalah setara iaitu sebanyak 160 responden bagi tiap-tiap negeri (Jadual 2). Walau bagaimanapun, dalam kertas kerja ini hanya memfokuskan kepada 399 responden wanita sahaja yang diambil kira dalam analisis data. Pengenalpastian responden telah dibuat oleh penghulu dan ketua kampung kawasan masing-masing dengan mendapat kebenaran daripada pegawai daerah di setiap negeri. Pihak penyelidik tidak menghadapi sebarang halangan dalam menemubual responden. Dapatkan kajian ini juga menggunakan kaedah tinjauan di mana anak dewasa (responden kajian) yang menjaga warga tua telah ditemu bual secara bersemuka oleh *enumerator* yang telah dilatih oleh para penyelidik. Responden dikehendaki menjawab soalan-soalan berstruktur yang disediakan dalam borang soal selidik.

Analisis Data

Analisis kajian kualitatif melibatkan proses menyusun data untuk ditafsirkan. Menyusun data bererti mengumpulkan data dalam pola, tema, dan kategori untuk memahami makna sesuatu fenomena. Interpretasi data adalah untuk menggambarkan perspektif atau pandangan pengkaji, bukan untuk mencari kebenaran. Kebenaran dapatkan kajian perlu dinilai oleh pembaca dan diuji dalam pelbagai situasi lain. Tidak ada satu *rule of thumb* dalam analisis dan interpretasi data; ia bergantung kepada daya kreativiti dan kemampuan intelektual seseorang pengkaji untuk melaporkan dapatkan kajian yang diperoleh bagi menampilkan makna sesuatu fenomena.

Data yang dikumpul melalui kajian kuantitatif pula telah dianalisis menggunakan SPSS dan statistik deskriptif seperti min dan peratus untuk menentukan taburan responden mengikut faktor-faktor terpilih serta hubungan antara komponen sokongan emosional (contoh: berbual, mendengar, memujuk, prihatin, tempat mengadu, agama, dan rohani) dan sokongan fizikal (contoh: penyediaan alat pergerakan, alat komunikasi, pengangkutan, tempat tinggal, makanan, kelengkapan rumah, pakaian, dan pemberian kewangan) yang diperolehi daripada pasangan penjaga, anak-anak, adik-beradik, saudara-mara, kawan, jiran, dan jawatankuasa rumah ibadat dengan hubungan timbal balik antara anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua.

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Responden (Anak Dewasa) dalam Kajian Kualitatif

Hasil kajian ini menunjukkan bahawa umur penjaga adalah di antara 32 hingga 52 tahun di mana golongan wanita ini telah memasuki peringkat umur pertengahan dan mengambil peranan penjagaan. Umur pertengahan ini sukar untuk diberi definisi secara khusus kerana setiap individu mempunyai kepelbagaiannya sifat dan tingkah laku. Contohnya, ada individu yang berumur 35 tahun telah selesa dengan gaya hidup pertengahan umur dan ada juga individu berumur 40-an yang masih terlibat dengan kelahiran dan membesar anak. Menurut Schaie dan Willis (1996); persepsi pertengahan dewasa berbeza mengikut kelas sosial. Kajian lepas juga membuktikan bahawa bukan sahaja faktor gender tetapi umur penjaga juga perlu diambil kira dalam penjagaan ibu bapa tua. Golongan wanita yang memasuki peringkat umur pertengahan memainkan peranan utama dalam penjagaan ibu bapa tua di United Kingdom dan Amerika Syarikat (Moen, Robinson dan Rield, 1994; Dwyer dan Coward, 1992; Stone, Cafferata dan Sangl, 1987; Evandrou et al., 1986; Brody, 1985). Oleh itu, tidak hairanlah masih ramai anak perempuan yang melaksanakan tanggungjawab penjagaan ibu bapa tua pada pertengahan umur (Smith dan Longino, 1994). Hampir 75% penjaga dalam umur pertengahan adalah anak perempuan (Older Women's League, 2001).

Walau bagaimanapun, salah satu kriteria pemilihan sampel kajian ini adalah anak dewasa yang telah berkahwin dan mempunyai keluarga sendiri tinggal berdekatan atau tinggal bersama dengan ibu bapa tua atau ibu bapa mertua. Pemilihan ini bertujuan menggambarkan pengalaman penjagaan dan tahap beban yang perlu ditanggung oleh responden antara menjaga ibu bapa dan keluarga sendiri. Berdasarkan kajian ini terdapat lima responden telah berkahwin, seorang responden janda, seorang responden telah berpisah dan seorang lagi bercerai hidup. Menurut Himes dan Jordan (1996) anak perempuan yang tidak berkahwin mengambil peranan menjaga ibu bapa mereka. Kenyataan ini adalah benar kerana kebanyakan anak dewasa yang menjaga ibu bapa yang menerima bantuan kewangan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia (JKMM) adalah anak dewasa yang belum berkahwin. Seramai 17 daripada 25 penerima bantuan kewangan JKMM tinggal bersama anak

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

dewasa yang belum berkahwin, terutamanya anak perempuan. Kajian ini hanya meninjau pengalaman anak dewasa yang telah berkahwin, bekerja, dan mempunyai keluarga sendiri bagi melihat beban penjagaan yang dilalui dalam proses penjagaan ibu bapa tua.

Jadual 3: Profil responden (anak dewasa)

Responden	Umur	Gender	Status perkahwinan	Tahap kesihatan	Jumlah tanggungan
A	51	P	Berkahwin	Kencing manis dan darah tinggi	3 orang
B	44	P	Berpisah	Kencing manis dan darah tinggi	4 orang
C	44	P	Berkahwin	Kencing manis dan darah tinggi	6 orang
D	33	P	Berkahwin	Sihat	10 orang
E	32	P	Bercerai	Sihat	3 orang
F	35	P	Berkahwin	Sihat	3 orang
G	52	P	Janda	Sakit urat	2 orang
H	45	P	Berkahwin	Sakit kepala kronik	4 orang

Sumber: Data kajian kualitatif

Daripada aspek tahap kesihatan responden, tiga orang responden yang berumur 30 tahun ke bawah tidak mengalami sebarang penyakit. Sebaliknya, beberapa orang responden yang berumur 40 tahun ke atas mengalami penyakit kencing manis, darah tinggi, penyakit hati, sakit kepala kronik, dan sakit urat. Dua orang responden menjelaskan pengalaman mereka mengenai penyakit yang dialami semasa memasuki umur 40-an:

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

Kencing manis dan darah tinggi. Akak tau dalam 4 tahun nilah. Sejak kerja kat Universiti Malaya ni. Kalau jalan selalu pening sebab apa kan...macam orang mabuk aje...sampai kat tempat guard tu berhenti duduk kat situ dulu...balik kerja akak terus pergi ke klinik panel...sejak tulah tau ada penyakit ni dan makan ubat teruslah...

(Responden B)

Sakit tu macam kencing manis, darah tinggi, sakit hati kata doktor...(gelak ketawa)...apa sakit hati...hati ada masalah lah...tangan pun telah dioperasi kerana terjatuh semasa kerja sebagai cleaner...pada waktu tu tak ada masalah dah lama-lama tu tangan kebas tak rasa...pergi kat doktor operate...nak masuk besi tapi akak tak da duit RM400.

(Responden C)

Kajian ini juga mendapati bahawa suami dan adik-beradik lelaki penjaga turut memberikan sokongan dan dorongan dalam menjaga ibu bapa tua. Gambaran yang lebih jelas mengenai jenis penjagaan yang diberikan oleh suami dan adik-beradik lelaki penjaga dipaparkan seperti berikut:

Memang kami adik-beradik...diajar emak dari kecil lagi ...mana ada tak gaduh masa kecil-kecil kan...kalau emak tau emak akan marah dua-dua sekali...marah kita...siapa salah...yang muda kena minta maaf kat yang tua lah...jadi kita adik-beradik tak simpan dendam apa lah. Tu lah sampai sekarang kita orang adik-beradik tak ada musuh...macam kata emak demam...saya telefon jadi semua datang lah tengok emak.

(Responden G)

...kereta roda emak ni dah rosak...kalau dapat ganti bagus jugaklah...minta JKM tapi kata dia orang sekali aje boleh bagi...maknanya seorang satu aje...tak boleh bagi lagi lah. Yang ada ni dari baitulmal...suami pergi usahakan dari baitulmal pulak lah tu yang dapat...

(Responden D)

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

Arwah ayah selalu bagi semangat untuk adik-beradik mesti tolong-menolong antara satu sama lain...engkau orang adik-beradik satu dengan lain jangan bertelalah...saling memahami...saling menghormati...

(Responden B)

Sebaliknya ada juga responden yang tidak puas hati dengan sokongan dan bantuan yang diberikan oleh adik-beradik dalam menjaga ibu bapa tua. Adik-beradik dan suami mereka sentiasa mengemukakan alasan untuk memberi bantuan dan sokongan dalam penjagaan ibu bapa. Bantuan dan sokongan yang diberikan oleh adik-beradik responden A adalah dari segi tenaga bukan dari aspek kewangan kerana mereka juga menghadapi masalah kewangan dan berpendapatan rendah. Responden A berasa kesal dengan sikap adik-beradik yang tidak memberi kerjasama ketika ibu mereka ditempatkan di hospital untuk pembedahan kanser perut. Responden A menghuraikan peristiwa yang berlaku ketika ibu beliau ditempatkan di hospital:

...emak sakit tak pernah datang, emak sebut nama tak pernah muncul...tu saya kata nanti nyawa emak sampai ujung tanduk doktor nak siang emak engkau besok pagi tau tak...terpulang...masuk hospital emak...tak pernah nak tanya hidup ke mati ke...

Masalah kewangan siapa pun adakan. Bajet sendiri. Adik-adik bantu dari segi tenaga. Ada membantu tapi tulah dia orang kata anak aku sekolah...laki (suami) aku...tak ada yang tak bagi alasan...jadi akak kata sabar ajelah.

Pada pandangan pengkaji, idealnya tugas anak dewasa dalam proses penjagaan ibu bapa tua adalah memberi bantuan dalam melaksanakan kerja rumah. Anak lelaki boleh membantu mengangkat barang berat, membersihkan rumah atau menyusun barang. Anak perempuan pula boleh membantu ibu mereka memasak, mencuci, mengemas rumah atau menyediakan makanan. Anak dewasa juga perlu membuat tugas pembahagian kerja dalam rumah tangga dengan penuh kasih sayang dan kesabaran bagi mendapat keberkatan dalam kehidupan. Jika anak dewasa melihat ibu atau bapa membuat sesuatu berilah bantuan sebelum mereka meminta. Inilah yang diharapkan oleh ibu bapa tua di mana

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

bantuan secara rela hati kepada warga tua tidak membebankan anak dewasa tersebut. Pernyataan ini juga diluahkan oleh beberapa orang warga tua semasa menjalankan kajian.

Hubungan Responden dan Penerima Penjagaan

Di Malaysia kebanyakan keluarga masih berpegang kepada nilai dan norma bahawa anak-anak yang bertanggungjawab untuk menjaga orang tua mereka. Dalam kajian ini umur penerima penjagaan adalah di antara 63 hingga 82 tahun (Jadual 4). Responden bagi kajian ini merupakan anak dewasa yang menjaga ibu bapa penerima skim bantuan kewangan yang diberikan oleh JKMM. Menurut Peruntukan Skim Bantuan Persekutuan, bantuan kewangan yang diberikan adalah sebanyak RM200.00 sebulan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2005). Kerajaan sememangnya menyediakan bantuan kewangan kepada warga tua yang miskin. Setiap penerima bantuan dikehendaki mempunyai penjaga di kalangan anggota keluarga, penjaga ataupun jiran. Telah terbukti bahawa JKMM memberikan bantuan kewangan kepada warga tua melarat (Roziah, 2000). Mengikut penamaan penerima bantuan melalui Bahagian Warga Tua di Jabatan Kebajikan Masyarakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, jangka masa ibu bapa responden menerima bantuan kewangan adalah selama satu hingga dua tahun lepas.

Jadual 4: Hubungan penjaga dan warga tua

Responden	Umur ibu bapa	Penerima penjagaan	Jenis penyakit	Kategori penjagaan
A	71	Ibu	Barah perut	Kurang upaya
B	63	Ibu	Sakit lutut	Sihat
C	80	Ibu	Strok dan <i>Parkinson</i>	Sakit terlantar
D	67	Ibu	Kencing manis	Kurang upaya
E	63	Ibu	Sihat	Sihat
F	77	Bapa	Strok dan inkontinen	Sakit terlantar
G	82	Ibu	Sakit lutut	Kurang upaya
H	76	Ibu	Sakit lutut	Sihat

Sumber: Data kajian kualitatif

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

Kesemua responden memberi pandangan bahawa tidak mempunyai masalah dengan ibu atau bapa mereka dalam proses penjagaan. Hubungan antara responden dan penerima penjagaan agak rapat. Kajian lepas juga mendapati bahawa jika ibu bapa tua semakin uzur dan tidak berupaya melakukan aktiviti kehidupan harian, kekerapan anak dewasa memberi bantuan dan menziarahi juga akan meningkat (Frankel dan DeWit, 1989). Walau bagaimanapun, bukanlah semua hubungan antara anak dewasa dan ibu bapa harmoni. Ada beberapa responden mengeluh dan meluahkan perasaan dan isi hati mereka tentang pengalaman penjagaan ibu bapa tua. Responden kedua dalam kategori kurang upaya adalah ibu responden D. Ibu beliau tidak ada kaki sebelah kiri sehingga ke pangkal peha akibat penyakit kencing manis yang kronik. Walau bagaimanapun, beliau masih boleh menjalankan tugas di rumah seperti menjahit, memasak, dan mandi sendiri dengan menggunakan kerusi roda. Kasih sayang responden D kepada ibunya begitu tinggi menyebabkan beliau merasakan perlu berhenti kerja dan tinggal di rumah bagi mengawasi keadaan ibu.

Saya pernah bekerja sebagai tukang masak kat kantin Universiti Kebangsaan Malaysia. Berhenti kerja sejak emak potong kaki dah lima tahun lepas...tahun 2002...sekarang bantu suami masak sebab nak siapkan barang untuk buat martabak kan untuk di jual kat pasar malam pukul 2.30 petang nanti...

Boleh memasak, boleh menjahit...dulu emak yang menjaga anak saya...sejak potong kaki ni susah sikitlah nak mengemas rumah. Kenapa nasib emak jadi macam ni...sebab emak jaga saya dari kecil mungkin inilah cara saya balas budi baik emak agaknya...(menangis)

Anak-anak buat perangai...sampai emak pun tertekan tengok perangai anak-anak ni...ramai-ramai macam nikau bergaduhlah apakan...kadang-kadang adik buat hal kan. Emak tak boleh fikir banyak-banyak nanti dia sakit kepala.

Pengamatan pengkaji mendapati bahawa responden D masih belum dapat menerima takdir bahawa kaki ibunya telah dipotong. Setiap soalan yang ditanya, responden D menangis tanpa henti dari awal hingga akhir

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

temu bual kerana mengenangkan takdir yang menimpa ibu beliau. Responden ini bukan sahaja menjaga ibu beliau, keluarga sendiri tetapi juga hampir 10 orang di bawah tanggungan. Tanggungan ini termasuklah anak buah seramai dua orang (anak-anak arwah kakak yang meninggal kerana sakit asma). Anak buah ini ditinggalkan oleh abang ipar yang telah berkahwin dengan perempuan lain tanpa memberi nafkah. Semua perbelanjaan membesarkan kedua-dua anak buah ini ditanggung oleh responden D dan suami. Peristiwa ini menambahkan kesedihan dan keperitan hidup yang dialami oleh responden D dan ibu beliau.

...emak dia (tunjuk pada anak kakak yang sedang menyiang lada merah) meninggal, dulu arwah pun duduk sini tapi umur 25 meninggal kena asma...dia ni tiga tahun dan adik dia lima bulan. Perbelanjaan terpaksa bersamalah. Nak buat macam mana kan...redha ajelah...ni ha bapak dia pun tak datang...tak bagi nafkah...tak bagi apa pun.

Kesedihan dan keperitan hidup responden D dalam menjaga ibu yang kurang upaya bertambah apabila terpaksa menjaga anak-anak arwah kakak beliau yang ditinggalkan oleh abang ipar tanpa nafkah. Bahkan responden juga mempunyai beberapa anak kecil untuk dijaga. Responden D juga terpaksa berhenti kerja memandangkan kesihatan ibu beliau semakin hari semakin merosot. Menurut responden D, pada satu saat berbagai-bagai kesulitan dan cabaran yang menimpa diri beliau sehingga merasakan kesempitan ini semakin berlarutan.

Profil Responden Kajian Kuantitatif

Daripada 640 responden yang ditemu bual, 62.4% adalah perempuan dan 37.6% adalah lelaki yang merupakan jumlah keseluruhan kajian ini. Berasaskan kepada kajian-kajian lepas yang memfokuskan kepada penjaga primer adalah wanita; iaitu 74.0% merupakan golongan wanita yang menjadi penjaga kepada warga tua. Amat kurang anak lelaki dan saudara-mara lelaki yang memberi penjagaan primer (Stone, Cafferata dan Sangl, 1987). Maka artikel ini memaparkan dapatan kajian terhadap 399 orang responden wanita bandar dan luar bandar yang terlibat dalam analisis kajian, iaitu 52.1% responden di bandar dan 47.9% di luar

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

bandar menjadi penjaga kepada ibu bapa tua. Jadual 5 menunjukkan bahawa umur di antara 30 hingga 49 tahun merupakan majoriti responden yang mengambil tanggungjawab menjaga warga tua. Purata min umur anak dewasa yang menjaga warga tua adalah 43 tahun untuk mereka di bandar dan luar bandar. Purata umur ini jelas menunjukkan bahawa mereka terdiri daripada generasi tengah. Generasi tengah ialah generasi anak dewasa yang bertanggungjawab terhadap keluarga sendiri di samping menjaga ibu bapa tua mereka. Bagi generasi tengah, mereka akan berhadapan dengan isu bantuan dan sokongan kepada ibu bapa yang mengalami proses penuaan di samping bertanggungjawab ke atas keluarga mereka sendiri (Bertram dan Altergott, 1996).

Masyarakat Melayu lebih banyak di luar bandar, iaitu 93.2% dibandingkan dengan 43.1% di bandar. Ini diikuti dengan etnik Cina dan India yang lebih banyak di bandar, iaitu 36.6% dan 20.3% berbanding dengan mereka yang tinggal di luar bandar yang hanya 4.7% (etnik Cina) dan 2.1% (etnik India). Daripada segi status perkahwinan pula, kajian ini mendapati kebanyakan responden sudah berkahwin dan kira-kira 12.0% hingga 14.0% masih bujang dan terlibat dalam penjagaan warga tua. Selain itu, 65.9% responden di bandar dan 56.0% responden di luar bandar mempunyai bilangan anak di antara 1 hingga 3 orang (Jadual 5). Kajian ini hanya memfokuskan kepada wanita Melayu iaitu 43.1% di bandar dan 93.2% responden di luar bandar yang menjaga ibu bapa tua mereka. Pemerhatian pengkaji juga mendapati bahawa isteri kepada kaum lelaki (ketua keluarga) dalam kajian ini terlibat aktif dalam penjagaan ibu bapa tua mereka.

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

Jadual 5: Profil demografi responden ($N = 399$)

Profil responden	Peratus	
	Bandar ($n = 208$)	Luar bandar ($n = 191$)
Jantina		
Perempuan	52.1	47.9
Kumpulan umur		
< 29	0.9	0
30–39	35.1	28.3
40–49	40.9	46.6
50–59	19.7	23.0
60 >	3.4	2.1
Umur (min 43.3)		
Etnik		
Melayu	43.1	93.2
Cina	36.6	4.7
India	20.3	2.1
Status perkahwinan		
Bujang	12.5	14.1
Berkahwin	77.9	79.1
Bercerai/berpisah	5.8	4.7
Duda/balu	3.8	2.1
Bilangan anak responden		
1–3	65.9	56.0
4–6	28.8	36.1
7–9	4.8	6.3
10–13	0.5	1.0
14–18	0	0.6

Sumber: Data kajian kuantitatif

Hubungan Responden dengan Warga Tua

Dapatan kajian Ngin dan DaVanzo (1999) menunjukkan bahawa anak dewasa dalam masyarakat Melayu, terutama yang telah berkahwin, agak bebas untuk keluar bekerja atau mencari kerja di mana sahaja. Anak dewasa yang telah berkahwin tidak dipertanggungjawabkan untuk tinggal bersama dengan ibu bapa mereka. Keluarga Melayu juga lazimnya mengamalkan sistem bilateral, di mana anak dewasa boleh memilih tempat tinggal selepas berkahwin sama ada di pihak lelaki ataupun pihak perempuan.

Jadual 5 menunjukkan penjagaan ibu bapa tua oleh anak perempuan di bandar lebih sedikit iaitu sebanyak 52.1% berbanding di luar bandar sebanyak 47.9%. Daripada segi umur, Jadual 6 menunjukkan terdapat sedikit perbezaan di mana sebanyak 38.5% responden di bandar menjaga warga tua yang berumur di antara 61 hingga 70 tahun berbanding dengan 31.9% responden di luar bandar yang menjaga warga tua dalam lingkungan umur yang sama. Sebanyak 34.1% responden di bandar dan 37.2% responden di luar bandar yang menjaga warga tua yang berumur di antara 71 hingga 80 tahun. Manakala warga tua yang berumur di antara 81 hingga 90 tahun dijaga oleh 19.2% responden di bandar dan 27.2% responden di luar bandar. Ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan tahap pergantungan terhadap anak dewasa di bandar dan di luar bandar. Bagi warga tua yang berumur di antara 61 hingga 70 tahun, tahap pergantungan terhadap anak dewasa lebih tinggi di bandar berbanding dengan luar bandar. Sebaliknya penjagaan warga tua pada usia di antara 71 hingga 90 tahun di bandar semakin berkurangan sebanyak 53.3% berbanding di luar bandar sebanyak 64.4%. Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa jangka hayat kehidupan warga tua di luar bandar adalah lebih tinggi berbanding di bandar.

Kajian ini juga telah memilih anak dewasa yang tinggal serumah dengan warga tua dan/atau berhampiran sebagai sampel bagi menghuraikan pengalaman penjagaan mereka. Sebanyak 79.7% responden yang tinggal di bandar memilih untuk tinggal bersama warga tua dan 20.3% tinggal berdekatan. Berbanding dengan responden di luar bandar, 73.0% memilih tinggal bersama warga tua dan 27.0% tinggal berdekatan dengan warga tua. Hasil kajian yang dipaparkan dalam Jadual 6 memberi gambaran bahawa kebanyakan anak dewasa masih tinggal

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

bersama ibu bapa kandung atau ibu bapa mertua di bandar ataupun di luar bandar, walaupun ada penunjuk yang menunjukkan peningkatan dalam trend di mana anak dewasa tinggal berdekatan dengan warga tua mereka terutama di bandar.

Jadual 6: Hubungan antara responden dengan warga tua ($N = 399$)

Item	Peratus	
	Bandar ($n = 208$)	Luar bandar ($n = 191$)
Hubungan dengan warga tua		
Ibu bapa	77.4	81.2
Ibu/bapa mertua	0.5	0.5
Ibu/bapa tiri	0.5	0.5
Ibu/bapa angkat	19.2	14.1
Ibu/bapa saudara	0.5	1.6
Nenek/datuk	1.9	2.1
Umur warga tua		
50–60	7.2	2.6
61–70	38.5	31.9
71–80	34.1	37.2
81–90	19.2	27.2
91 >	1.0	1.1
Tempat tinggal responden dengan warga tua		
Tinggal bersama	79.7	73.0
Tinggal berdekatan	20.3	27.0

Sumber: Data kajian kuantitatif

Menurut kajian Da Vanzo dan Chan (1994), lebih dua pertiga penduduk di Malaysia yang berusia 60 tahun ke atas tinggal bersama anak dewasa. Jabatan Statistik Malaysia (1998) juga melaporkan bahawa 59% warga tua tinggal bersama anak-anak mereka. Kajian Chen (1984) pula mendapati hampir 72% warga tua di Malaysia tinggal bersama anak dewasa mereka. Di negara Asia Tenggara yang lain juga menunjukkan

ibu bapa tua yang menetap bersama anak dewasa secara relatifnya sangat tinggi; misalnya sekurang-kurangnya 71% atau lebih ibu bapa tua tinggal bersama anak dewasa di Filipina, Taiwan dan Thailand juga menunjukkan trend yang hampir sama iaitu sebanyak 63%. Manakala di Indonesia dan Singapura kebanyakan ibu bapa tua tinggal bersama anak dewasa (Chan, 2005; Cameron, 2000; Ofstedal, Knodel dan Chayovan, 1999). Berpandukan kajian lepas, kajian ini juga menunjukkan ramai ibu bapa tinggal bersama anak dewasa mereka.

Jangka Masa Penjagaan di Kalangan Anak Dewasa

Jangka masa penjagaan amat signifikan dalam kehidupan seseorang anak dewasa untuk memahami makna sesuatu pengalaman. Dalam kajian ini makna pengalaman berdasarkan kepada sesuatu peristiwa (suka duka, pahit manis, susah senang) yang pasti dilalui/dialami untuk memahami makna sesuatu pengalaman. Dalam kajian ini makna pengalaman berdasarkan kepada proses penjagaan yang dilakukan oleh anak dewasa dalam menjaga ibu bapa mereka. Proses penjagaan ini sering dilihat sebagai aktiviti yang dilakukan oleh anak perempuan kerana penekanannya terhadap membela (*nurturance*), aktiviti penjagaan diri (*personal care tasks*) dan kerja rumah (*household activities*). Tetapi definisi ini tidak mengambil kira isu kuasa (*authority*) dalam penjagaan warga tua, penyeliaan dalam pengurusan penjagaan dan keperluan mendapatkan perubatan (Miller, 1987; Prunco dan Resch, 1989).

Jadual 7: Jangka masa dan pengalaman membantu penjagaan ($N = 399$)

Profil penjagaan	Peratus	
	Bandar ($n = 208$)	Luar bandar ($n = 191$)
Tempoh penjagaan		
1–10 tahun	61.0	63.3
11–20 tahun	22.0	24.5
21–30 tahun	13.6	10.2
30–40 tahun	3.4	2.0
Pengalaman penjagaan		
Ya	30.8	36.1
Tidak	69.2	63.9

Sumber: Data kajian kuantitatif

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

Jadual 8: Penentu menjadi penjaga ($N = 399$)

Penentu penjaga	Peratus	
	Bandar ($n = 208$)	Luar Bandar ($n = 191$)
Pilihan sendiri	89.0	87.0
Pilihan warga tua	1.6	4.3
Dipilih adik-beradik	9.4	8.7

Sumber: Data kajian kuantitatif

Jadual 7 menunjukkan lebih daripada separuh responden (61.0% di bandar dan 63.3% di luar bandar) menyatakan bahawa mereka menjaga warga tua dalam tempoh 1 hingga 10 tahun dan sebanyak 22.0% responden di bandar dan 24.5% responden di luar bandar menyatakan bahawa mereka menjaga warga tua dalam tempoh 11 hingga 20 tahun. Apabila ditanya sama ada mereka mempunyai pengalaman dalam penjagaan warga tua, 30.8% responden bandar dan 36.1% responden di luar bandar menyatakan mereka mempunyai pengalaman dalam penjagaan warga tua. Jadual 8 menunjukkan majoriti responden iaitu 89.0% di bandar dan 87.0% di luar bandar menyatakan bahawa mereka yang menentukan pilihan untuk menjadi penjaga kepada warga tua. Sebaliknya 9.4% responden di bandar dan 8.7% responden di luar bandar pula menyatakan bahawa penentu penjagaan warga tua ditentukan oleh adik-beradik. Ini bermakna seseorang itu memilih untuk menjaga orang tua mereka atas rasa tanggungjawab. Mereka tinggal serumah atau berdekatan dan sudah menjadi lumrah untuk mereka mengambil peranan berbuat demikian. Pemerhatian pengkaji juga mendapati bahawa kebanyakan responden mengambil tanggungjawab menjaga ibu bapa tua setelah ibu bapa kurang upaya atau sakit terlantar. Manakala warga tua yang sihat biasanya tinggal sendirian di rumah sambil membantu anak dewasa dalam menjaga rumah atau menjaga cucu semasa ketiadaan anak dewasa tersebut.

Dalam kajian kualitatif pula, jangka masa penjagaan bergantung kepada tema kesan penjagaan. Dalam kajian ini jangka masa penjagaan telah dibahagi kepada dua iaitu pemilihan menjadi penjaga secara tiba-tiba atau beransur-ansur. Jangka masa penjagaan (pendek dan panjang) bergantung kepada beban kesihatan penjaga dan ibu bapa mereka, desakan kewangan, kekangan personal dan tekanan emosi yang dialami

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

oleh anak dewasa yang menjaga warga tua. Secara dasarnya penjagaan boleh berasaskan kepada empat kategori iaitu: sokongan emosional, peruntukan bekalan keperluan harian, bantuan kewangan dan hubungan dengan organisasi serta pemberi khidmat formal (Harowitz, 1982). Jadual 9 menerangkan pengalaman penjagaan responden dari aspek jangka masa penjagaan, siapa yang dijaga dan siapa yang memilih menjadi penjaga.

Jadual 9: Pengalaman penjagaan mengikut responden

Responden	A	B	C	D	E	F	G	H
Jangka masa penjagaan (tahun)	17	25	5	Sejak kecil	5	3	Sejak kecil	Sejak kecil
Siapa yang dijaga	Bapa dan ibu	Bapa dan ibu	Ibu	Ibu	Ibu	Bapa	Ibu	Ibu
Siapa yang memilih menjadi penjaga	Pilihan ibu	Pilihan ibu	Sendiri	Sendiri	Pilihan ibu	Sendiri	Pilihan ibu	Pilihan ibu

Sumber: Data kajian kualitatif

Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa jangka masa penjagaan oleh anak dewasa yang menjaga ibu bapa mereka terdiri daripada 3 hingga 25 tahun. Penjagaan beransur-ansur adalah bermakna anak dewasa yang tinggal bersama ibu bapa sejak kecil lagi. Bagi penjagaan secara tiba-tiba pula adalah di mana anak dewasa atau ibu bapa mereka mengalami krisis dalam lingkaran kehidupan seperti bercerai hidup atau bercerai mati, berpisah dan sebagainya. Daripada lapan orang responden, hanya dua orang responden sahaja yang mempunyai pengalaman dalam menjaga bapa dan ibu mereka untuk jangka masa panjang atau penjagaan yang beransur-ansur. Antara responden yang paling berumur dan banyak pengalaman dalam penjagaan bapa, adik-beradik dan ibu ialah responden A. Responden A menghuraikan tentang dosa dan pahala penjagaan ibu bapa merupakan tanggungjawab utama anak dewasa. Kesedaran tentang tuntutan Islam dan pesanan arwah bapa beliau menjadi pedoman untuk menjalani kehidupan dengan lebih berhati-hati. Justifikasi responden A dengan mengimbas kembali (refleksi) pesanan arwah bapa beliau, sebagai anak harus menghormati ibu bapa, tidak boleh meninggikan suara dalam berkomunikasi dengan ibu bapa; seseorang yang patuh kepada ibu bapa akan diberi Allah 10 kali ganda

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

pahala dan jika tidak patuh kepada ibu bapa akan diberi Allah juga dosa 10 kali ganda. Pengkaji mendapati bahawa dalam apa yang diperkatakan (*transcribe*), responden A sering memberitahu kepada anak-anak beliau tentang pesanan arwah bapa beliau sebagai pesanan bagi anak dewasa yang menjaga ibu bapa tua.

RUMUSAN

Daripada kajian ini dapat dirumuskan bahawa terdapat beberapa impak kepada individu (wanita dan warga tua), keluarga dan komuniti serta pemerintah dan negara. Menerusi aspek impak terhadap individu (wanita dan warga tua) didapati bahawa bebanan anak dewasa yang memikul tanggungjawab sebagai penjaga ibu bapa semakin ketara. Hal ini terjadi lantaran pengecilan saiz keluarga yang secara automatiknya mengurangkan bilangan anak-anak yang bertanggungjawab untuk memelihara ibu bapa mereka (Mason, Sang-Hyop dan Gerard, 2001). Fenomena ini turut dipengaruhi oleh perubahan yang berlaku dalam sistem penjagaan kesihatan dan perkhidmatan sosial yang telah membebankan lagi tanggungjawab penjaga tidak formal. Pengkorporatan dan peningkatan kos perkhidmatan penjagaan kesihatan telah membawa kepada tempoh rawatan yang lebih singkat dan peningkatan rawatan pesakit luar. Hal ini secara tidak langsung telah mengandakan penjagaan warga tua di rumah (Cranswick, 1997). Brody (1985), Connidis (1983) dan Denton (1997) mendapati 80% hingga 90% bantuan untuk warga tua berpunca daripada penjagaan tidak formal. Hanya 10% hingga 20% sumber bantuan untuk warga tua adalah penjagaan yang formal (komuniti kesihatan, khidmat sosial, dan perkhidmatan berbayar). Penjagaan tidak formal oleh penjaga dipercayai lebih berkualiti daripada perkhidmatan yang disediakan oleh penjaga formal kerana ikatan kasih sayang dan rasa tanggungjawab yang wujud antara warga tua dan penjaga tidak formal mereka.

Mengikut perspektif sejarah, penjagaan warga tua adalah lumrah dipikul oleh golongan wanita. Oleh itu, tidak hairanlah sekiranya masih wujud perbezaan gender dalam cara penjagaan sesebuah keluarga (Smith dan Longino, 1994). Sebelum ini, anak yang biasanya menjaga ibu bapa mereka terdiri daripada anak-anak yang tinggal berdekatan dengan ibu bapanya, anak perempuan yang tidak bekerja dan juga anak perempuan

yang tidak berkahwin (Himes dan Jordan, 1996). Jangkaan tersebut kini meleset kerana peningkatan jumlah wanita yang keluar bekerja lantaran peningkatan taraf hidup yang memerlukan pasangan yang bekerja, peningkatan tahap pendidikan, urbanisasi, perubahan peranan sosial wanita, dan perubahan keperluan kehidupan (Smith dan Longino, 1994). Jumlah penjaga turut mengecil kerana kadar penceraian yang semakin meningkat dan fenomena wanita yang menimang anak pada usia yang agak lewat. Keadaan ini telah menghadkan kemampuan mereka untuk menjaga dan memelihara orang tua mereka sendiri (Rokiah et al., 2002). Faktor-faktor ini memberikan kesan yang signifikan kepada kualiti penjagaan warga tua.

Bagi meningkatkan kualiti penjagaan warga tua, salah satu aspek yang perlu diberi penekanan adalah intervensi di mana perancangan persaraan untuk menggalakkan proses penerimaan kehilangan peranan sebagai pekerja seterusnya menerima dan dapat menyesuaikan diri dengan peranan yang lebih santai (Ekerdt dan DeViney, 1993). Oleh itu, sokongan dan kediaman sebumbung dengan anak-anak merupakan alternatif yang paling sesuai untuk mereka menerima perubahan tersebut. Ini adalah kerana warga tua yang tinggal bersendirian atau berhampiran dengan anak-anak memerlukan sokongan seperti bantuan kewangan, penyediaan makanan, pembelian barang keperluan, pengurusan kebersihan, dan pengangkutan ke hospital atau klinik (Montgomery dan Kosloski, 1994; Montgomery, Kosloski dan Datwyler 1993). Dapatkan beberapa pengkaji barat ini mempunyai persamaan dengan kajian ini terutamanya dalam tugas penjagaan ibu bapa tua yang dipikul golongan wanita, anak perempuan dan adik-beradik perempuan, walaupun dalam teori peranan telah menjelaskan secara idealnya pembahagian tugas dalam penjagaan warga tua perlu dipikul oleh anak lelaki dan anak perempuan.

Kebiasaan yang kerap berlaku adalah kesanggupan ahli keluarga untuk memelihara dan menjaga warga tua tanpa menyedari ketidaksediaan dan ketidakmampuan mereka untuk memikul tanggungjawab sebagai pembuat keputusan dan penjaga kepada ibu bapa mereka (Nolan dan Grant, 1989; Ruddle, Donoghue dan Mulvhill, 1997; Kellett dan Mannion, 1999). Oleh itu, Turner dan Street (1999) mencadangkan supaya golongan profesional yang terlibat lebih prihatin dan menambahkan lagi maklumat yang diperlukan oleh penjaga warga tua.

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

Antara maklumat penting tersebut termasuklah tujuh perkara berikut: pemahaman tentang keadaan perubatan warga tua yang berada di bawah jagaan, cara memperbaiki kemahiran menangani masalah, cara pengurusan hal-ehwal keluarga, komunikasi berkesan dengan warga tua, saluran khidmat komuniti, pengendalian emosi, dan perancangan jangka panjang dalam penjagaan warga tua.

Hal ini turut disokong oleh para penyelidik lain yang menyimpulkan bahawa ilmu dan kemahiran yang tidak mencukupi boleh menjadi faktor utama yang menyumbang kepada tekanan terhadap para penjaga (Cantor, 1983). Maklumat dan pendidikan yang sewajarnya melalui apa sahaja medium yang sesuai diperakui mempunyai pengaruh yang amat kuat ke atas keyakinan para penjaga (Schmall, 1995). Peningkatan keyakinan diri ini sudah pastinya memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan kebimbangan dan tekanan (Bandura, 1982). Ternyata tanggungjawab penjagaan warga tua ini mempunyai pengaruh yang kompleks kerana ia tidak semestinya dikaitkan dengan impak-impak yang negatif sahaja (Yamamoto dan Wallhagen, 1997). Perhatian dan tumpuan yang diberikan dalam tanggungjawab ini dapat meringankan bebanan dan kesukaran yang dihadapi oleh anak dewasa atau penjaga tersebut.

Kerjasama antara organisasi kerajaan dan bukan kerajaan boleh diadakan untuk membina pusat penjagaan bagi warga tua sewaktu anak-anak mereka keluar bekerja. Bagi warga tua yang terpinggir dan sebatang kara, pihak kerajaan juga boleh mengambil inisiatif dengan mewujudkan perkhidmatan sokongan seperti rumah penjagaan dan bantuan kewangan untuk memastikan kesejahteraan hidup mereka (Siti Zaharah, 2002). Asnarulkhadi (2001) pula mencadangkan pelbagai cara boleh digunakan untuk memberikan kehidupan yang lebih bermakna kepada warga tua melalui projek pembangunan komuniti. Kerajaan juga perlu menambah program advokasi bagi membentuk kesedaran masyarakat tentang proses penuaan yang positif dan meningkatkan kesedaran berkaitan dengan warga tua dalam komuniti setempat. Ia boleh dijalankan melalui publisiti dan kempen; media cetak dan elektronik perlu lebih aktif dalam penyebaran maklumat dan pengetahuan.

RUJUKAN

- Asnarulkhadi Abu Samah. 2001. Community approach to elderly: Putting into practice, 9th Annual General Meeting of Persatuan Gerontology Malaysia, Universiti Putra Malaysia. 17 June.
- Bandura, A. 1982. Self-efficacy in human agency. *American Psychologist* 37: 122–147.
- Baruch, A. and W. M. Spaid. 1989. Gender differences in caregiving. Why do wife report greater burden? *The Gerontologist* 29(5): 667–676.
- Bertram, J. and K. Altergott. 1996. The family of the second half of life: Connecting theories and findings. In *Aging and the family: Theories and research*, ed. B. Rosemary and H. B. Victoria. London: Praeger.
- Brody, E. M. 1990. *Women in the middle: Their parent-care years*. New York: Springer.
- _____. 1985. Parent care as normative family stress. *The Gerontologist* 25: 19–29.
- Brody, E. M. and C. B. Schoonover. 1985. Pattern of parent-care when adult daughters work and when they do not. *The Gerontologist* 26: 372–380.
- Cameron, L. 2000. The residency decision of elderly Indonesians: A nested logit analysis. *Demography* 37(1): 17–27.
- Cantor, M. H. 1983. Strain among caregiver: A study on experience in the United State. *The Gerontologist* 23: 597–604.
- Chan, A. 2005. Formal and informal intergenerational support transfers in South-eastern Asia. United Nations Expert Group meeting on social and economy implications of changing populations age structures, United Nations Secretariat, Mexico City. 31 August–2 September.

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

- Chen, P. C. Y., ed. "The elderly Malaysian". *Med J Malaysia* 39: 254–257, (1984).
- Connidis, I. A. 1983. Living arrangement choices of older residents: Assessing quantitative result with qualitative data. *Canadian Journal of Sociology* 8: 359–375.
- Cranswick, K. 1997. Canadas caregivers. *Canadian Social Trends* 47: 2–6.
- DaVanzo, J. and A. Chan. 1994. Living arrangement of older Malaysians who corresides with their adult children? *Demography* 31(1): 95–114.
- Denton, M. 1997. The linkages between informal and formal care of the elderly. *Canadian Journal of Aging* 16(1): 17–37.
- Dwyer, J. W. and R. T. Coward. 1992. *Gender, families and elder care*. Newbury Park CA: Sage.
- Ekerdt, G. H. and S. DeViney. 1993. Evidence for a preretirement process among older male workers. *Journal of Gerontology* 48: 35–43.
- Evandrou, M., S. Arber, A. Dale and G. Gilbert. 1986. Who cares for the elderly? Family care provision and receipt of statutory services. In *Dependency and interdependency in old age: Theoretical perspectives and policy alternatives*, eds. C. Phillipson, M. Bernard and P. Strang, 150–168. London: British Society of Gerontology.
- Eriksen, S. and N. Gerstel. 2002. A labor of love or labor itself: Care work among adult brothers and sisters. *Journal of Family Issues* 23 (7): 836–856.
- Fitting, M., P. Rabins, M. J. Lucas and J. Eastham. 1986. Caregivers for dementia patients: A comparison of husbands and wives. *The Gerontologist* 26: 248–252.

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

- Frankel, B. B. and D. DeWitt. 1989. Geographic distance and intergenerational contact: An empirical examination of the relationship. *Journal of Aging Studies* 3: 139–162.
- Gilbeau, J. and J. Anastas. 1989. Breadwinner and caregivers: Interviews with working women. *Journal of Gerontological Social Work* 14: 19–39.
- Gilhooly, M. 1984. The impact of caregiving on caregivers: Factors associated with the psychological wellbeing of people supporting a dementing relative in the community. *British Journal of Medical Psychology* 57: 35–44.
- Goode, W. J. 1960. A theory of role strain. *American Sociological Review* 25: 483–496.
- Harowitz, A. 1982. Sons and daughters as caregivers to older parents: Differences in role performance and consequences. *The Gerontologist* 25: 612–617.
- Himes, C. L. and A. K. Jordan. 1996. Factor influencing parental caregiving by adult women. *Research on Ageing* 18(3): 349–371.
- Irvin, B. L. and G. J. Acton. 1997. Stress, hope and well-being of women caring for family members with Alzheimer's disease. *Holistic Nursing Practice* 11: 69–79.
- Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia. 2005. *Laporan Tahunan Jabatan*. Kuala Lumpur: Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.
- Jabatan Statistik Malaysia. 2001. *Laporan banci penduduk dan perumahan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Jabatan Statistik Malaysia. 1998. *Laporan banci penduduk dan perumahan*. Kuala Lumpur: Jabatan Perangkaan Malaysia.
- Kellett, U. and J. Mannion. 1999. Meaning in caring: Reconceptualising the nurse-family career relationship in community practice. *Journal of Advanced Nursing* 29: 697–703.

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

- Lamb, V. L. 1999. Active life expectancy of elderly in selected Asian countries. NUPRI Research Paper Series 69, Nihon University Population Research Institute (NUPRI), Japan.
- Mason, A., L. Sang-Hyop and R. Gerard. 2001. Population momentum and population ageing in Asia and Near-East Countries Population. East-west center working papers, population series 107. Honolulu, HI: East-West Center.
- Merrill, D. 1997. *Caring for elderly parents: Juggling work, family, and care giving in middle and working class families*. Westport, CT: Auburn House.
- Miller, S. A. 1987. *Developmental research method*. Englewood Cliffs, New Jersey: Prentice-Hall.
- Moen, P., J. Robinson and V. Field. 1994. Women's work and caregiving roles: A life course approach. *Journal of Gerontology: Social Sciences* 49: 176–186.
- Montgomery, R. J., K. Kosloski and M. Datwyler. 1993. *Factors defining caregivers*. Final report to the National Institute of Aging. University of Kansas, Lawrence.
- Montgomery, R. J. and K. Kosloski. 1994. A longitudinal analysis of nursing home placement for dependent elders cared for by spouses vs adult children. *Journal of Gerontology: Social Sciences* 49: 62–74.
- Mui, D. C. 1992. Caregiver strain among black and white daughter caregiver: A role theory perspective. *The Gerontologist* 32: 202–212.
- Neal, M. B., N. J. Chapman, B. Ingersol-Dyton and A. C. Emlen. 1993. *Balancing work and caregiving for children, adults and elders*. Newbury Park, CA: SAGE.

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

- Ngin, C. and J. DaVanzo. 1999. Parent-child coresidence and quasi-coresidence in Peninsular Malaysia. *Southeast Asian Journal of Social Science* 27(2): 43–64.
- Nolan, M. and G. Grant. 1989. Addressing the needs of informal carers: A neglected area of nursing practice. *Journal of Advanced Nursing* 14: 950–961.
- Ofstedal, M. B., J. E. Knodel and N. Chayovan. 1999. Intergenerational support and gender: A comparison of four Asian countries. *Southeast Asian Journal of Social Science* 27(2): 21–41.
- Older Women's League. 2001. *Faces of caregiving*. Washington, DC: Older Women's League.
- Pavalko, E. K. and J. E. Artis. 1997. Women's caregiving and paidwork: Causal relationships in late midlife. *Journal of Gerontology: Social Sciences* 53B: 170–179.
- Pearlin, L. I. and C. Schooler. 1978. The structure of coping. *Journal of Health and Social Behavior* 19: 2–21.
- Penning, M. J. 1998. In the middle: Parental caregiving in the context of other roles. *Journal of Gerontology: Social Sciences* 53B: 188–197.
- Piercy, K. W. 1998. Theorizing about family caregiving: The role of responsibility. *Journal of Marriage and the Family* 60(1): 109–118.
- Pruchno, R. A. and N. L. Resch. 1989. Aberrant behaviors and Alzheimer's disease: Mental health effects of spouse caregivers. *Journal of Gerontology* 44: 177–182.
- Rahimah Abdul Aziz. 2000. Kepentingan perancangan penjagaan warga tua. In *Warga tua isu dan fenomena*, eds. Abdul Aziz Jemain, Rahimah Abdul Aziz dan Lukman Z. Mohamad. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

- Rokiah Alavi, Khadijah Alavi, Husniyah Abd. Rahim and Tengku Aizan Hamid. 2002. Women "dependency" and intergenerational relationships: Preparation of elderly women in the new globalisation era. Paper presented at the national seminar on quality of family lives in the new globalization era, Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia. 23 and 24 October.
- Roziah Omar. 2000. *Kesihatan dan gaya hidup: Isu-isu semasa kesihatan masyarakat*. Kuala Lumpur: SNN Sdn. Bhd.
- Ruddle, H., F. Donoghue and R. Mulvhill, 1997. *The years ahead report: A review of the implementations of its recommendations*. Dublin, Ireland: National Council on Ageing and Older People.
- Schaie, K. W. and S. L. Willis. 1996. *Adult development and aging*. 2nd ed. Boston: Little, Brown and Co.
- Scharlach, A. E. 1994. Caregiving and employment: Competing or complementary roles. *The Gerontologist* 34: 378–385.
- Scharlach, A. E. and S. L. Boyd. 1989. Caregiving and employment: Results of an employee survey. *The Gerontologist* 29: 382–387.
- Schmall, V. 1995. Family caregiver education and training: Enhancing self-efficacy. *Journal of Case Management* 4: 156–661.
- Schulz, R., A. O'Brien, J. Bookwala and K. Fleissner. 1995. Psychiatric and physical morbidity effects of dementia caregiving: Prevalence, correlates and causes. *The Gerontologist* 35: 771–791.
- Schulz, R., C. A. Tompkins and M. T. Rau. 1988. A longitudinal study of psychosocial impact of stroke on primary support persons. *Psychology and Aging* 3: 131–141.
- Siegler, I. C. and L. K. George. 1983. Sex differences in coping and perceptions of life events. *Journal of Geriatric Psychiatry* 16: 197–210.

Khadijah Alavi dan Rahim M. Sail

- Siti Zaharah Sulaiman. 2002. Minister of National Unity and Social Development Statement by Malaysia at the Second World Assembly on Aging, Madrid, Spain. 8–12 April.
- Smith, M. and C. F. Longino Jr. 1994. Demography of caregiving. *Educational Gerontology* 20(7): 633–645.
- Steenvoorden, M. A. G. A, F. G. E. M. Van der Pas and N. G. J. de Boer. 1993. *Family care of the older elderly: Casebook of initiatives*. Luxembourg: EU Communities.
- Stern, S. 1996. Measuring child work and residence adjustments to parents' long-term care needs. *The Gerontologist* 36: 76–87.
- Stoller, E. and L. Earl. 1983. Help with activities of everyday life: Sources of support for the non-institutionalized elderly. *The Gerontologist* 23(1): 64–70.
- Stone, R., G. L. Cafferata and J. Sangl. 1987. Caregivers of the frail elderly: A national profile. *The Gerontologist* 27: 616–626.
- Turner, S. and H. Street. 1999. Assessing careers' training needs: A pilot inquiry. *Aging and Mental Health* 3: 173–178.
- United Nations. 2004. *World urbanization prospects: The 2003 revision*. New York: United Nations Publication.
- _____. 2005. *World population prospects: The 2004 revision*. New York: United Nations Publication.
- Wallace, R. W. and L. S. Noelker. 1984. Conceptualizing family caregiving: An application of role theory. Paper presented at the 37th Annual Scientific Meeting of the Gerontology Society of America, San Antonio, TX.
- Yamamoto, N. and M. I. Wallhagen. 1997. The continuation of family caregiving in Japan. *Journal of Health and Social Behavior* 38(2): 164–176.

Peranan Wanita Melayu dalam Penjagaan Ibu Bapa Tua

Zarith, S. H., L. I. Pearlin and K. W. Schaie. 1993. *Caregiving systems: Formal and informal helpers*. Hillsdale, New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.

Zarith, S. H. 1994. Research perspectives on family caregiving. In *Family Caregiving: Agenda for the Future*, ed. M. H. Cantor, 9–24. San Francisco: American Society on Aging.